



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

LJT 534 / (1)

RUJUKAN KAMI:

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

61 Ogos 2016

SEMUA JURUKUR TANAH BERLESEN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PEMBERIAN SUBSIDI BAGI MEMBELI PERALATAN UKUR *TOTAL STATION* BAGI TAHUN 2016

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan pada tahun 2003, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (Lembaga) telah membekalkan peralatan *Total Station* jenama Topcon, Leica dan Nikon kepada semua Juruukur Tanah Berlesen (JTB) melalui perolehan tender T2/2003. Walau bagaimanapun, kontrak pajakan peralatan tersebut yang telah dibekalkan kepada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan telah tamat pada tahun 2008 di mana Lembaga telah memutuskan untuk melupuskan kesemua peralatan tersebut dengan menawarkan kepada setiap JTB terlibat untuk membeli dengan harga minima sebanyak RM3,500 (tiga ribu lima ratus ringgit sahaja).

3. Bagi tujuan memenuhi keperluan JTB menjalankan kerja-kerja ukur hakmilik dengan menggunakan peralatan yang berteknologi terkini dengan lebih berkesan, sehubungan dengan itu suacita dimaklumkan bahawa Lembaga dalam mesyuaratnya yang ke-462 pada 25 Julai 2016 telah meluluskan untuk memberi subsidi kepada setiap JTB bagi pembelian **satu (1) peralatan *Total Station* beserta aksesori tetap. Subsidi ini adalah berdasarkan harga sebenar pembelian tetapi tertakluk kepada had maksima sebanyak RM20,000 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu sahaja).**

4. Berikut adalah syarat-syarat bagi permohonan pemberian subsidi tersebut:

- 4.1 Pembelian perlu dibuat daripada **pembekal yang mempunyai nombor pendaftaran cukai barang dan perkhidmatan (GST) dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia.**
- 4.2 Pembelian hendaklah dibuat mulai dari tarikh surat ini **sehingga 31 Disember 2016.**
- 4.3 Permohonan bayaran subsidi perlu menggunakan borang yang disediakan seperti di **Lampiran A** dan **dikemukakan kepada Lembaga Jurukur Tanah tidak lewat daripada 31 Disember 2016.**


- 4.4 Permohonan perlu disertakan dengan **tax inbois, resit, Delivery Order** serta **Sijil Negara Asal Dibuat yang asal daripada pembekal.**
- 4.5 Sebelum peralatan yang dibeli oleh JTB dihantar oleh pembekal kepada JTB berkenaan, pihak pembekal perlu membawa peralatan tersebut beserta **Lampiran A** yang lengkap diisi oleh JTB ke **Lembaga untuk tujuan pengesahan dan rekod Lembaga.**
- 4.6 Pembelian perlu mengikut komponen peralatan yang disenaraikan **di Lampiran B sahaja.**

5. Tuntutan subsidi yang tidak mengikut syarat seperti di para 4 akan ditolak. Selain daripada itu, mana-mana JTB yang masih gagal menjelaskan bayaran pelupusan peralatan yang dibekalkan melalui perolehan Tender T2/2003 sebanyak RM3,500 tidak layak menerima subsidi ini.

Sekian terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(SITI ISMAIL BIN HARUN)

Setiausaha
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

s.k. YBhg. Datuk Sr Ahmad Fauzi bin Nordin
Pengerusi
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

LAMPIRAN A

LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA

**BORANG PERMOHONAN
SUBSIDI BAGI PERALATAN UKUR *TOTAL STATION***

1. Butiran JTB

- 1.1 Nama :
- 1.2 Nama Firma :
- 1.3 Alamat Pejabat:

2. Butiran Pembelian

(Sila sertakan tax inbois, resit, *Delivery Order* serta Sijil Negara Asal Dibuat yang asal daripada pembekal)

- 3.1 Jenama dan Model :
- 3.2 No. Siri :
- 3.3 Pembekal :
- 3.4 No. GST pembekal:
- 3.5 Harga Belian :
- 3.5 Tarikh Pembelian :

3. Perakuan

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat di atas adalah benar.

.....
(Tandatangan dan cop JTB)

Tarikh :

LAMPIRAN B

SENARAI KOMPONEN ALAT *TOTAL STATION*

1. 1 unit *alat total station* beserta *aluminium tripod*
2. 2 unit *target system* (2 unit *prism* dan 2 unit *aluminium tripod* termasuk *tribach*)
3. 1 unit *mini prism* dan *prism pole*
4. 1 unit *extra rechargeable battery* dan *charger*
5. 1 unit *solar filter*